

Mesyuarat Jemaah Menteri pertama Isnin ini

Ulu- 3/12/2022 n/s: 3

Oleh **ASLIZA MUSA**

utusannews@mediamulia.com.my

IPOH: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan memengerusikan mesyuarat Kabinet yang pertama Isnin ini.

Beliau berkata, mesyuarat itu nanti akan membincangkan beberapa peraturan baharu yang perlu diikuti barisan jemaah menteri di bawah pimpinannya.

“Bagi saya keutamaan sebaik sahaja disusun jemaah menteri, saya akan panggil me-

syuarat khas Isnin ini untuk ditetapkan beberapa peraturan baharu.

“(Ini termasuk) cara mereka mengurus Kementerian iaitu bagaimana mereka berdamai dan bekerjasama dengan penjawat awam serta cara mereka berjimat untuk tidak berbelanja lebih daripada sepatutnya,” katanya ketika berucap pada program Kenduri Rakyat bersama Perdana Menteri Malaysia di Taman Jati di sini semalam.

Menurut Anwar yang juga

Ahli Parlimen Tambun, tumpuan kerajaan pimpinannya kini adalah untuk memulihkan ekonomi negara.

“Tumpuan kita sekarang adalah untuk memulihkan ekonomi. Ringgit (kini) diperkuat, apa maknanya Ringgit diperkuat? Maknanya kos import akan lebih murah, tidak terlalu mahal.

“Apabila kos import itu dapat dikurangkan maka kos barang makanan ayam ternakan, baja juga dapat dikurangkan. Insya-Allah, ia boleh kurang-

kan kos (lain), sebab itu keyakinan itu penting,” katanya.

Sementara itu, Anwar menjelaskan kunjungannya ke kawasan Parlimen Tambun semalam sebagai program rasmi pertama di luar Putrajaya dan Kuala Lumpur selepas dilantik sebagai Perdana Menteri.

Selain program Kenduri Rakyat, Anwar bertemu dengan masyarakat di Pasar Awam Tanjung Rambutan sebelum menunaikan Solat Jumaat di Masjid Muhammad Al-Fateh, Taman Jati di sini.



ANWAR Ibrahim bersalaman dengan jemaah selepas solat Jumaat di Masjid Muhammad Al-Fateh, Taman Jati di Ipoh semalam.